

TEKS UCAPAN

BRIG. JEN. DATO PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN NAIB
CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA

MAJLIS MERAIKAN KONTINJEN RUMAH SUKAN
KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP UniMAP

DI DEWAN KAPITOL PADA 2 APRIL 2010

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan dan Ketua-
Ketua Jabatan,

Yang Dihormati barisan Pengurus-pengurus Kontinjen Rumah
Sukan UniMAP,

Yang Diraikan atlit-atlit UniMAP, seterusnya hadirin dan
hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, dapat kita berkumpul bersama-sama untuk meraikan barisan atlit-atlit dan pengurusan rumah sukan yang memberikan komitmen penuh sewaktu penganjuran Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP kali ke-6 pada 5 hingga 7 Mac yang lalu.

Untuk para atlit, malam ini malam anda, malam untuk meraikan kegemilangan selepas berusaha sehabis daya untuk menghadihkan pingat kepada pasukan yang diwakili. Tidak ketinggalan, malam ini juga dianjurkan khusus untuk menghargai usaha dan penat lelah barisan sekretariat rumah sukan yang berpanas dan berhujan untuk menghias khemah kontinjen masing-masing.

Juga, tidak dilupakan, pengurusan kontinjen terutama ketua kontinjen dan pengurus pasukan yang berjaya menjalinkan kerjasama erat antara semua pihak dalam memeriahkan kejohanan olahraga tertutup UniMAP yang lalu.

Sesungguhnya, hanya ini yang mampu saya selaku Pengurusan Tertinggi UniMAP hadiahkan untuk menghargai kalian semua. Ini juga bukti saya kotakan janji saya yang dilafazkan ketika berucap di Majlis Penutup Kejohanan.

**Bukit tinggi boleh didaki,
Lurah dalam berkala-kala,
Bila berjanji harus ditepati,
Barulah hidup tenang sentiasa.**

Ladies and Gentlemen,

Alhamdulillah... thanks to Allah SWT for giving us the opportunity to gather here this evening. First, let me begin by extending my warmest welcome to all of you. I would also like to record my special thanks to Encik Afizal Abu Othman and his team from Sports Centre for all the hard work in making this dinner possible.

Congratulations to all of you. It gives me a great pleasure to be part of this significant event to celebrate your success. This reward and recognition is a form of appreciation for all the undivided commitments that you have shown in the recent championship.

I would also like to congratulate all the athletes – students and staff for taking the challenge to represent your school and department in all events. All the accomplishments were made possible with your fullest support and commitment. And tonight is dedicated in appreciation of your excellent performances and achievements. Well done to all of you!

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya amat berbangga dengan kerja keras dan komitmen yang ditunjukkan oleh sebahagian besar kontinjen. Namun, ingin saya memberi teguran dan nasihat di sini dan besarlah harapan saya agar nasihat dan teguran ini dipandang dari sudut positif dan bukannya bertujuan untuk menjatuhkan sesiapa.

Saya berada di stadium UiTM Arau hampir setiap waktu semenjak hari pertama kejohanan lagi. Apa yang saya kesalkan, apabila melihat ada khemah yang masih kosong dan lengang tanpa penghuni, dan lebih mengecewakan, khemah itu dipunyai oleh sebuah kontinjen yang mempunyai bilangan ahli yang paling ramai.

Anda semua kenal saya, dan saya bukanlah individu yang suka mendengar alasan. Seperti yang saya katakan tadi, kitalah yang mampu menyelesaikan sesuatu masalah. Sama ada mengubah masalah atau terus menganggap ia sebagai beban.

Penganjuran kejohanan olahraga ini bukanlah untuk bersukan dan melahirkan atlit semata-mata. Sebaliknya, saya melihat penganjuran acara dan aktiviti seumpama ini menjadi medan terbaik untuk kita melihat bagaimana staf dan pelajar UniMAP menjalinkan kerjasama untuk menjayakan sesuatu matlamat atau sasaran.

Bukanlah kecantikan khemah itu yang ingin saya lihat, tetapi ikatan ukhuwah serta sikap “yang berat sama dipikul yang ringan sama dijinjing” itulah yang paling penting dan harus ada dalam setiap kontinjen.

Justeru kepada kontinjen rumah Biru – yang dianggotai oleh 8 pusat pengajian, cubalah fikirkan langkah terbaik bagaimana untuk anda semua bersatu padu menjayakan kejohanan pada tahun hadapan. Sesungguhnya, saya tidak mahu lagi melihat masalah yang dihadapi tahun ini berulang lagi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pusat sukan UniMAP yang berjaya menzahirkan idea untuk menganjurkan Kejohanan Sukan Pelajar Antara Pusat Pengajian dan Kejohanan Sukan Staf Antara Zon.

Seungguhnya penganjuran kejohanan ini merupakan medan terbaik untuk kita mengenalpasti atlit-atlit baru yang berpotensi untuk mewakili UniMAP terutama Pelajar UniMAP.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada atlit-atlit olahraga UniMAP yang berjaya meraih satu pingat perak dan dua gangsa pada sirkit olahraga

MASUM. Kejayaan ini membolehkan kita melonjak ke tangga ke-10 keseluruhan berbanding 12 pada tahun lalu.

Inilah yang saya inginkan, peningkatan dalam penyertaan. Harus diakui, sukar untuk kita mengalahkan pasukan UPM dan UiTM yang rata-ratanya diwakili oleh atlit Kebangsaan, tetapi jika ada usaha dan semangat juang yang tinggi, semua ini tidak mustahil.

Saya turut dimaklumkan oleh En Afizal, yang pasukan sepak takraw wanita (Pelajar UniMAP) berjaya meraih pingat gangsa pada Grand Final MASUM di UiTM baru-baru ini. Ini sememangnya sesuatu yang membanggakan, apabila kita tidak pernah memiliki pasukan sepak takraw wanita, tetapi melalui penyertaan kali pertama kita telah mampu meraih pingat gangsa. Syabas dan teruskan usaha anda untuk mencatatkan lebih kejayaan.

Selepas ini anda akan menyertai Karnival Sukan MASUM pula yang akan dijalankan dalam dua fasa iaitu di UiTM dan di USIM. Justeru, saya ingin sekali melihat, kontinjen UniMAP mampu mengatasi pencapaian tahun lalu iaitu 1 Emas, 1 Perak dan 2 Gangsa. Buktikanlah slogan - UniMAP Mantap !

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kepada staf UniMAP pula, kita kini sudah melangkah masuk ke bulan April. Kurang dua bulan sahaja lagi anda semua akan bertempur di medan “Kejohanan Sukan Kakitangan Antara Universiti-Universiti Malaysia (SUKUM)” kali ke 35 di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Sebagaimana yang saya katakan dalam ucapan di Majlis Penutup olahraga, saya mensasarkan 40 pingat emas dari semua acara yang kita sertai. Kita telah berjaya menjuarai kejohanan ini untuk dua kali berturut-turut bermula di Sarawak pada tahun 2008 dan di Terengganu pada tahun lalu.

Justeru adakah anda semua rela untuk melihat takhta kita itu dirampas oleh universiti lain. Tepuk dada tanyalah diri masing-masing.

Sudah cukupkah persediaan anda semua?? Atau adakah anda semua akan terus dibuai kejayaan lalu dan merasakan diri sudah cukup “hebat” sehingga tidak memerlukan sebarang latihan. Bangunlah dari tidur dan sedarlah, pesaing akan terus mengejar kita dan jika kita hanya mengekalkan kelajuan tidak mustahil kita akan dipintas.

Renung-renungkanlah dan sahutlah cabaran saya untuk terus mengungguli kejohanan SUKUM pada tahun ini.

Akhir kata, saya sudahi dengan kata-kata dari Theodore Roosevelt :

It is hard to fail, but it is worse never to have tried to succeed.

Sekian,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.